



**MAJLIS PERASMIAN  
PERSIDANGAN PERWAKILAN DWI TAHUNAN  
KALI KE 23 KESATUAN PEKERJA-PEKERJA  
RISDA SEMENANJUNG MALAYSIA ( KPPR)**

**OLEH:  
YG. BHG. DATO' MOHAMMAD IZAT BIN HASAN  
KETUA PENGARAH RISDA**

TEMPAT: HOTEL SRI COSTA,  
BANDAR MELAKA.  
TARIKH: 29 SEPTEMBER 2009

- Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis
- Yang Berbahagia Tn Hj. Shamsudin bin Mohd. Noor  
Presiden KPPR
- Yang Berbahagia En. Tahir bin Othman  
Pengarah RISDA Negeri Melaka
- Ahli-Ahli Jawatan Kuasa KPPR
- Tuan-Tuan dan Puan-Puan ahli-ahli KPPR sekalian

## **Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera**

### **1. Penghargaan**

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan Nya, kita dapat bertemu dalam satu Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan KPPR Semenanjung Malaysia kali ke 23 pada hari ini. Saya amat berbesar hati dan merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur serta Kesatuan Pekerja-Pekerja RISDA kerana menjemput saya bagi

3

menyampaikan sepatah dua kata, dan seterusnya merasmikan majlis ini.

Semenjak saya berada di RISDA, saya tidak berkesempatan untuk menghadiri mana-mana Mesyuarat Agung Kesatuan KPPR, tapi Alhamdulillah, pada hari ini, saya dapat bersama-sama dengan Tuan-Tuan dan Puan-Puan ahli Kesatuan.

### **2. Isu-isu semasa**

Oleh kerana Persidangan ini merupakan satu forum yang menemukan semua warga RISDA Gred 26 ke bawah, saya ingin menggariskan beberapa perkara penting yang perlu diberikan

4

penumpuan dan penekanan oleh semua warga RISDA dalam melaksanakan tugas sebagai penjawat awam. Kita perlu sentiasa peka dan maklum dengan isu-isu semasa kerajaan, kementerian dan juga yang berlaku dalam organisasi RISDA sendiri.

### **3. Isu Kenaikan Pangkat**

Isu pertama yang sering dipersoalkan oleh ahli-ahli Kesatuan adalah isu kenaikan pangkat. Disini saya ingin mengambil kesempatan untuk memberi sedikit penjelasan mengenai asas-asas kenaikan pangkat yang dilaksanakan di RISDA.

Asas utama kenaikan pangkat adalah merit dan Lembaga Kenaikan Pangkat mengambil kira kecekapan dan prestasi pegawai, kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan juga pengalaman pegawai. Selain daripada itu, sifat-sifat peribadi termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai. Kegiatan luar dan sumbangan kepada negara dan masyarakat serta aspek-aspek lain yang difikirkan relevan juga diambil kira oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

Jika dua atau lebih pegawai diputuskan sama dari segi merit, kelayakan akademik atau pengalaman kerja berkaitan dengan jawatan kenaikan pangkat disamping kekananan pegawai itu akan dijadikan asas bagi pemilihan dan diberi pertimbangan.

### **Syarat Kenaikan pangkat**

Seseorang pegawai hanya boleh dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat jika telah mematuhi semua syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatannya dan juga terdapat kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat itu.

7

Saya harap dengan penjelasan ini, tiada lagi rungutan mengenai kenaikan pangkat dan jangan sesekali menggunakan pengaruh luar untuk mendapatkan kenaikan pangkat. Ada beberapa kes dimana pegawai menggunakan pengaruh luar telah diberi tindakan tatatertib.

#### **4. Kebajikan kakitangan**

-Seperti Lampiran-

8

## **5. Membina Kecemerlangan dalam RISDA**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan usaha dengan bekerja lebih tekun untuk melaksanakan segala strategi dan langkah yang telah diatur bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik, cepat dan berkesan. Pengurusan RISDA sentiasa menaruh keyakinan penuh terhadap saudara-saudari dalam melaksanakan tugas. Kita sentiasa akan menyokong apa jua inisiatif yang baik yang perlu dilakukan. Dalam hubungan ini, saya ingin mengajak semua untuk membina kecemerlangan di dalam PT masing-masing berdasarkan nilai-nilai murni yang ingin diterapkan melalui Dasar dan Pekeliling yang sedia ada. Di setiap peringkat dalam

9

organisasi kita, perlu cemerlang. Sekiranya beberapa pegawai sahaja yang cemerlang, maka ini tidak akan memberi manfaat yang diharapkan. Kecemerlangan perlu diterapkan di setiap peringkat. Kesemua dari kita perlu mengejar kecemerlangan. Apabila ciri-ciri kecemerlangan ini dihayati dan diamalkan oleh setiap kakitangan, saya percaya Perkhidmatan RISDA akan mencapai matlamat kelas pertama, Insya Allah.

## **5. Penutup**

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak KPPR kerana telah menjemput saya bagi merasmikan Persidangan ini.

Marilah kita sama-sama mohon ke hadrat Allah SWT mudah-mudahan kita sentiasa di beri petunjuk dan hidayah untuk kita menjalankan tugas kita ini. Semoga Allah SWT merestui niat murni dan memberkati segala usaha kita untuk memartabatkan RISDA ke tahap yang gemilang dan terbilang

**Dengan kata-kata itu, dan dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya merasmikan Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan kali ke 23 Kesatuan Pekerja-Pekerja RISDA Semenanjung Malaysia'.**

**Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullah.**